



## Ekaristi berkuasa mentransformasi iman

**TAKHTA SUCI:** “Saya menggalakkan anda untuk meneruskan usaha anda untuk menyumbang kepada kebangkitan semula iman, dan cinta kepada, Ekaristi Suci, “sumber dan puncak kehidupan Kristian.”

Dengan kata-kata ini, Sri Paus Fransiskus mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Jawatankuasa yang sedang mempersiapkan Kongres Ekaristi Kebangsaan yang berlangsung selama tiga tahun di Amerika Syarikat.

Kongres tersebut bermula pada tahun lalu dan kemuncaknya akan dirayakan pada tahun 2024.

Lebih-lebih lagi, intensi Sri Paus untuk bulan Julai juga menumpukan kehidupan Ekaristi: “Kita berdoa agar umat katolik dapat meletakkan perayaan Ekaristi di tengah-tengah kehidupan mereka, mengubah hubungan manusia dengan cara yang sangat mendalam dan terbuka kepada pertemuan dengan Tuhan dan semua saudara dan saudari mereka.”

“Sesungguhnya Ekaristi adalah tindak balas Tuhan terhadap kelaparan hati manusia yang paling mendalam, kelaparan untuk kehidupan yang sejati kerana dalam Ekaristi, Kristus sendiri benar-benar berada di tengah-tengah kita, untuk menyuburkan, menghiburkan dan memperkasa kita dalam perjalanan ziarah kita di dunia menuju ke kerajaan Bapa,” ujar Sri Paus Fransiskus.

“Malangnya pada masa kini, ramai di kalangan penganut Katolik sendiri yang hanya memandang Ekaristi sebagai simbol. Mereka tidak menyedari realiti kehadiran dan cinta

Tuhan dalam Ekaristi,” keluh Bapa Suci.

Sri Paus juga kesal kerana adorasi terhadap Ekaristi semakin memudar dan prelatus itu menggesa umat untuk melawan kecenderungan itu.

Sangti Papa Fransiskus juga turut menyelitkan pesan agar umat juga perlu menghargai orang tua kerana mereka sering diabaikan. Sebenarnya melalui doa dan pengabdian mereka terhadap Ekaristi, mereka menurunkan teladan iman yang indah dan kuat kepada kita.

### Rasa kagum pada kurniaan Tuhan

Sri Paus menyatakan hasratnya untuk membawa makna sebenar Ekaristi ke barisan hadapan.

“Adalah menjadi harapan saya, bahawa Kongres Ekristi yang sedang berjalan di negara anda, akan memberi inspirasi kepada umat Katolik di seluruh dunia dan republik anda, untuk mengetahui rasa kagum dan kehairanan dengan kurniaan Tuhan yang hebat dan agung iaitu diri-Nya sendiri demi menyelamatkan kita semua.”

Sri Paus Fransiskus juga menyatakan keinginannya agar Kongres Ekaristi yang berjalan selama tiga tahun itu, dapat memberi inspirasi kepada umat beriman, meluangkan waktu dengan-Nya dalam perayaan Misa, doa peribadi dan adorasi di hadapan Sakramen Mahakudus.

Bapa Suci juga tidak lupa mengatakan, keperluan untuk memupuk panggilan di kalangan belia agar berani menyahut panggilan menjadi paderi yang dikatakan oleh Sto Yohanes Paulus II, ‘Ekaristi akan lenyap tanpa paderi!’

“Kita amat memerlukan paderi untuk meraikan Ekaristi Suci,” jelas Sri Paus Fransiskus.”

### Ekaristi tempat kita bertemu Dia yang memberikan segala-galanya untuk kita

Bapa Suci menyeru umat beriman untuk melakukan pembaharuan komitmen, dengan semangat yang lebih berkobar-kobar, menjadi murid-murid misionari Tuhan di dunia.

Katanya, “Dalam Ekaristi kita bertemu dengan Dia yang memberikan segala-galanya untuk kita, Dia yang mengorbankan diri-Nya untuk memberi kita hidup, Dialah yang mengasihi kita hingga akhir.

“Kita dapat menjadi saksi yang boleh dipercayai untuk menjadi saksi sukacita keindahan Injil hanya apabila kita menyedari bahawa cinta yang kita raikan dalam sakramen ini, tidak boleh disimpan untuk diri kita sendiri sahaja, sebaliknya dituntut untuk dikongsi dengan semua orang.

Atas sebab ini, katanya Bapa Suci, “Tubuh Kristus, mendorong kita kepada cinta kepada sesama yang kuat dan komited, terutama mereka yang menderita, memerlukan, atau haus.”

Berucap kepada mereka para perwakilan di hadapannya, Bapa Suci mengakui, “Kongres Ekaristi Kebangsaan menandakan detik penting dalam kehidupan Gereja di Amerika Syarikat.”

“Semoga semua yang kamu lakukan,” menjadi kesempatan rahmat bagi setiap daripada kamu, dan semoga ia membuahkan hasil dalam membimbing lelaki dan wanita beriman, semoga kehadiran Tuhan dalam Ekaristi, menghidupkan semula harapan. mentransformasi iman dan memperbaharui kehidupan kita!” — *media Vatikan*

# Fasa peralihan

Satu generasi yang lalu, JD Salinger telah menulis novel, *The Catcher in the Rye*, yang menjadi sangat popular, serta menjadi bacaan yang diperlukan dalam kebanyakan program kesusasteraan sarjana muda. Sesungguhnya novel itu memang terkenal dan layak dijadikan bahan perbincangan. Ia adalah sebuah karya kesusasteraan yang unggul.

Berikut adalah gambaran novel tersebut: Seorang lelaki sedang memerhatikan kanak-kanak bermain di ladang gandum dengan gembira dan ceria. Keceriaan dan kegembiraan itu hanya dimiliki oleh anak-anak kecil yang polos.

Kemudian, lelaki itu berfikir tentang masa hadapan, dia menggambarkan bagaimana kanak-kanak itu pada akhirnya kehilangan kepolosan dan kegembiraan mereka dan menjadi seperti kita, orang-orang dewasa yang berubah menjadi dingin serta mempunyai banyak kesedihan.

Dia membayangkan betapa indahnya jika dia dapat menghalang kanak-kanak ini daripada membesar dan mengekalkan masa kanak-kanak ini selama-lamanya, yang polos, bermain di ladang gandum, terhindar dari semua kekacauan, dosa, kompromi, dan rasa tidak senang yang sering dialami oleh orang dewasa. Fantasi lelaki ini begitu menyentuh hati.

Apa yang diangan-angankan oleh lelaki itu ada kena mengena dengan ketidaksefahaman antara golongan Konservatif dan Liberal.

Konservatif dan liberal tidak bersetuju dengan kebanyakan perkara, kecuali satu perkara: kedua-duanya tidak berpuas hati den-

gan hala tuju kebanyakan perkara.

Bagi Konservatif, masa kini dilihat sebagai kejatuhan, kurang beriman, tidak seperti dahulu di mana kita memiliki kestabilan dan kebahagiaan. Naluri Konservatif ialah mahu kembali kepada suatu ketika dahulu di mana kita pernah memiliki kegembiraan (pada pandangan mereka) dan melakukan banyak perkara secara bekerjasama.

Bagi mereka, cara yang boleh membetulkan keadaan ialah kita harus berundur, merendahkan diri dan kembali ke masa semasa kita masih naif.

Inilah yang terjadi pada lelaki dalam novel "*The Catcher in the Rye*" yang memerhatikan kanak-kanak polos bermain di ladang gandum.

Dia terpesona dengan kegembiraan suci kanak-kanak tersebut dan berasa bimbang bahawa suatu hari nanti, kanak-kanak itu akan menjadi dewasa, meninggalkan kenafian zaman kanak-kanak mereka dan beralih ke fasa kerumitan atau kecanggihan sebagai orang dewasa, ketidakstabilan, kekacauan, dan rasa tidak gembira.

Fasa kecanggihan ini mempunyai harga yang sangat mahal, maka kita perlu dilindungi daripada beberapa pengalaman dan pengajaran tertentu.

Golongan Liberal pula mempunyai naluri dan kecenderungan yang berbeza dengan golongan Tradisionalis.

Bagi golongan ini, kita hidup dalam persekitaran sosial, agama, moral, dan teknologi yang membentuk kita, bukannya masa lalu dan bukan juga disebabkan oleh kekacauan yang kadang-kadang



mengganggu kita.

Menurut golongan Liberal, sama ada generasi lalu lebih atau kurang bersahsiah dan ikhlas, kita, generasi sekarang akan menjadi lebih maju daripada mereka.

Dalam kehidupan ini, jika kita berhenti sejenak atau mengundurkan diri, golongan Liberal akan memandang ini sebagai tindakan kurang bijak dan tidak bermoral. Bagi golongan ini, kita harus maju ke hadapan, menuju kematangan dan kita harus berani untuk berjalan di laluan yang ada di hadapan kita, bertahan dan tabah walau apa pun pergolakan yang bakal terjadi (misalnya telur dadar anda tidak akan menjadi jika anda tidak mengocaknya).

Berani berjalan ke hadapan akan membawa kepada kematangan dan membuat kita melangkaui kesempatan, ketaksuban, perkauman, seksisme, dan kejahilan yang mencetuskan ketakutan, ketegaran, ketidakadilan, dan keganasan serta segala yang palsu di dunia.

Siapa yang betul? Ke arah mana kita perlu bergerak? Apa jalan ke

hadapan yang harus kita ambil?

Bagi saya sendiri, kita akan sampai ke tempat yang harus kita pergi tanpa mengikuti naluri liberal atau konservatif sepenuhnya.

Walaupun kedua-duanya mempunyai gerak hati yang sihat, tetapi kedua-duanya tetap mempunyai kekurangan dalam menuju kematangan, keamanan, dan kebahagiaan.

Memang benar pendapat Liberal bahawa kaedah berundur ke masa lalu adalah kurang tepat. Sama seperti Konservatif yang percaya bahawa kita akan menjadi lebih moden dengan berhenti sejenak atau menjadi polos seperti kanak-kanak. Namun ada kedua-dua pendapat itu ada betul dan sebahagiannya kurang tepat. Jadi, ke mana harus kita pergi?

Kita harus bergerak ke hadapan, meskipun tidak memilih cara ideologi Liberal yang popular di mana ia cenderung untuk memikirkan keselamatan melalui cara yang canggih sahaja.

Kita mesti bergerak ke hadapan, tetapi dengan cara yang membawa kita melangkaui kecanggihan kepada kepolosan tahan kedua.

Apa yang dimaksudkan dengan ini? Jika anda bertanya kepada kanak-kanak naif: "Adakah anda percaya kepada *Santa Claus* dan *Easter Bunny*?" dia menjawab, "Ya."

Jika anda bertanya kepada kanak-kanak bijak akan soalan yang sama, dia menjawab, "Tidak." Tetapi jika anda bertanya kepada anak yang cerdas akan soalan yang sama, dia menjawab "Ya" tetapi atas sebab yang berbeza.

Tugas dalam kehidupan adalah untuk bergerak dari kepolosan kepada pasca kecanggihan.

Baik Konservatif dan Liberal, perlu mencabar diri mereka sendiri (dan satu sama lain) berdasarkan kebenaran ini (yang terdapat dalam Injil dan dalam pandangan terbaik dalam antropologi).

Tuhan dan alam semula jadi tidak berhasrat untuk kita kekal sebagai kanak-kanak sepanjang hidup kita.

Di manakah kita dapat menemui kebahagiaan? Mungkinkah di tempat di mana kita sekali lagi mempercayai kewujudan Santa dan *Easter Bunny*, atau mungkin di tempat pasca-kecanggihan?

Terdapat pelbagai perbendaharaan kata untuk menyatakan ini, tetapi semuanya menunjukkan perkara yang sama. Semua tempat atau jalan ini mempunyai urutan perkembangan yang sama:

Kepolosan – Kecanggihan –  
Kepolosan tahap dua.  
Semangat pertama –  
Kecewa – Kematangan cinta.  
Pra-kritikal – Kritikal –  
Pasca kritikal.  
Kepolosan – Kehilangan kenafian-Kesucian Semula.  
Kebudak-budakan – Dewasa –  
Seperti kanak-kanak  
Gembira – Kecewa – Damai .

Kebodohan – Kebodohan Canggih – Kegilaan kepada Kristus selepas fasa kepolosan bodoh. Sudah tiba masanya kita menjadi orang pasca kecanggihan yang polos. — *Hakcipta Terpelihara 1999-2023 @ Fr Ron Rolheiser*

## Jadilah golongan yang sanggup mendengar Dia

Injil Matius yang hari ini disampaikan kepada kita, iaitu Mat 10:37-42, adalah suatu bahagian dari Injil Matius Bab 10 seluruhnya, yang memberitakan peristiwa tentang Yesus yang mengutus murid-murid-Nya, dan disertai dengan gambaran tentang situasi dan keadaan masyarakat yang akan mereka hadapi.

Sekaligus Yesus menyampaikan syarat-syarat mutlak, yang harus mereka penuhi agar dapat melaksanakan tugas panggilan mereka dengan baik.

Yesus Kristus telah datang sebagai Penebus utusan Tuhan untuk menyelamatkan umat manusia.

Dia telah melaksanakan tugas perutusan-Nya dengan setia sampai akhir.

Tetapi hasil karya penebusan-Nya itu, ketika Dia kembali kepada Bapa-Nya, harus ditentukan pelaksanaannya oleh segenap murid-Nya sepanjang segala zaman.

Dalam Injil hari ini, Yesus secara singkat namun jelas serta tegas, telah menyampaikan syarat-syarat, yang harus dipenuhi oleh siapa pun, yang ingin menjadi murid-Nya yang sejati dalam melaksanakan perjalanan hidup

dan tugas panggilannya.

Yesus menuntut agar setiap murid yang ingin mengikuti diri-Nya harus lebih mengasihi Dia dari pada orang tua atau bapa ibunya, putera-puterinya, bahkan nyawanya sendiri.

Tuntutan Yesus tersebut ternyata menimbulkan banyak reaksi atau tanggapan negatif daripada murid-muridNya.

Misalnya Yohanes dalam Injil-Nya, yang bercerita tentang perintah-perintah Yesus, mencatat reaksi murid-murid-Nya ini: "Perkataan ini keras, siapakah yang sanggup mendengarkannya?" (Yoh 6:60).

Keberatan dan kesulitan yang dihadapi murid-murid Yesus tersebut sebenarnya dapat dimengerti.

Bukankah kasih kepada orang tua, kepada anak-anak, dan kasih kepada isteri adalah ajaran Yesus sendiri?

Namun dari segi lain, seperti juga ditegaskan oleh Yohanes dan injilnya, Tuhan adalah Kasih.

Dan justeru dalam kasih-Nya itulah Yesus tidak mahu memaksa kasih-Nya kepada kita manusia ini.

Sebab Tuhan menghargai

kebebasan kehendak manusia ciptaan-Nya itu.

Dia lebih menawarkan kasih-Nya itu kepada kita. Demikianlah Tuhan memberikan kesempatan kepada kita umat-Nya melalui Yesus Kristus, untuk setiap kali mengadakan suatu pemilihan dan keputusan.

Suatu pemilihan atau keutamaan merupakan asas penting untuk menentukan hidup kita, sama ada untuk hidup kita sekarang ini mahupun untuk hidup kekal kelak.

Pemilihan atau keutamaan manakah yang harus ditentukan?

Adakah dengan memilih keinginan dan keterikatan akan kepentingan diri kita sendiri, atau lebih memilih kesetiaan /ketaatan kepada perintah Kristus.

Secara konkrit, Yesus tidak secara automatik menjamin, bahawa tidak ada konflik atau pertentangan, contohnya dalam hubungan antara suami dan isteri, antara ibu bapa dan anak, atau antara sesama manusia dalam pergaulan, dan dalam alam pekerjaan kita.

Manusia sendirilah yang harus memutuskan. Tetapi kerelaan untuk setia, taat dan patuh kepada ajaran, pesan ataupun perintah

### HARI MINGGU BIASA KE-13 TAHUN A

2 RAJA 4:8-11,14-16A;  
ROMA 6:3-4,8-11;  
INJIL MATIUS 10:37-42;

Kristus harus selalu dipegang teguh.

Sebab perintah-Nya itulah yang dapat menolong mengatasi konflik tersebut.

Ajaran Yesus bukan menentang keluarga sebaliknya murid-murid Yesus harus mempunyai kesetiaan yang lebih besar kepada Yesus berbanding anggota keluarga mereka.

Apabila adalah situasi dan situasi yang ekstrem, dan harus memilih antara Yesus dan keluarga, Yesus menuntut kesetiaan mutlak kepada diri-Nya.

Apa yang disampaikan Yesus kepada murid-murid-Nya itu disertai dengan teladan-Nya sendiri, iaitu dalam menghadapi salib.

Ucapan-Nya tentang salib yang harus dipikul-Nya sendiri, dan tentang orang yang akan kehilangan nyawanya kerana Dia, semua

ini Yesus perlihatkan kepada kita sebagai teladan. Teladan ketaatan kepada Tuhan yang Mahakasih.

Pada akhir Injil Matius hari ini Yesus mengingatkan dan memberi hati kepada murid-murid-Nya.

Ditegaskan-Nya bahawa murid-murid itu tampil sebagai wakil Kristus apabila orang menerima mereka, bererti menerima Kristus.

Tetapi mereka itu sebenarnya bukan hanya menerima Kristus saja, melainkan juga menerima Bapa-Nya di syurga!

Betapa besar anugerah Tuhan yang diberikan kepada murid-murid Kristus, yang selalu taat, setia, setia terhadap kehendak Tuhan, masing-masing dalam situasi dan keadaannya sendiri, menurut teladan Yesus Kristus Putera-Nya. — *iman Katolik*

# OCDS jalani retreat proses permunian jiwa menurut St John the Cross

KUCHING: Komuniti OCDS dari Gereja Christ The King (CTK) telah mengadakan retreat tahunan mereka di sebuah hotel tempatan pada Jun 3 hingga 5 lalu dengan tema, "Di dunia ini tetapi bukan dunia ini: Pelajaran dari *St John of the Cross*."

Pembimbing Retreat ialah pembimbing rohan OCDS yang baru dilantik iaitu Fr Philip Tay OCD dari Seremban.

Menurut *St John of the Cross*, matlamat kehidupan rohani kita, adalah untuk mencapai kesatuan dengan Tuhan. Walau bagaimanapun, untuk melakukan ini, perlu ada keinginan dalam diri seseorang.

Dalam Kidung Rohaninya, St. John menjelaskan proses pemurnian jiwa adalah proses bertahap yang penuh sukacita untuk memiliki Tuhan, sehinggalah jiwa merasakan ia mengasihi Tuhan dan merasa dikasihi Tuhan.

Api Kasih yang Hidup adalah tahap persatuan dengan Tuhan yang lebih lanjut.

Kerinduan kepada Tuhan kelihatan 'tertidur' di kalangan umat



Para anggota OCDS bersama Fr Philip Tay OCD merenung proses pemurnian jiwa mengikut latihan *St John The Cross* di Kuching baru-baru ini.

kerana terganggu dengan kesibukan harian. Kerinduan ini perlu dibangunkan dan dipupuk melalui doa serta kesabaran.

Contoh yang digunakan ialah "api": semakin kuatnya api membakar dan menghanguskan kayu, semakin terang ia berkobar menjadi nyala api, demikianlah Roh Kudus, yang memurnikan dan "membersihkan" jiwa, menerangi dan menghangatkan jiwa kita untuk terus

bersatu serta kekal dengan Tuhan.

Satu lagi tulisan *St John of the Cross* iaitu "Pendakian ke Bukit Karmel" menguraikan perjalanan rohani dari sudut pandang pemurnian jiwa secara bertahap, yang diperlukan untuk mendaki puncak kesempurnaan Kristiani, yang dilambangkan dengan puncak Bukit Karmel."

Pemurnian ini bagaikan sebuah perjalanan manusia yang beker-

jasama dengan karya ilahi, untuk membebaskan jiwa dari setiap keterikatan yang berlawanan dengan kehendak Tuhan.

Kemurnian untuk mencapai persatuan kasih dengan Tuhan harus total, dan dimulai dengan pemurnian perasaan-perasaan, dan dilanjutkan dengan hidup menurut tiga kebajikan ilahi: iman, harapan, dan kasih, yang memurnikan maksud hati, fikiran, dan kehendak.

Dalam tulisannya, Malam Jiwa, ia menghuraikan tentang intervensi Tuhan dalam proses pemurnian jiwa.

Sebenarnya, usaha manusia sendiri tidak mampu mencapai akar-akar terdalam dari kecenderungan dan kebiasaan buruk manusia.

Ini memerlukan tindakan Tuhan yang khusus yang secara radikal memurnikan jiwa dan mempersiapkannya untuk persatuan kasih dengan Dia.

Melalui latihan rohani, kidung dan tulisan St John the Cross, ia membantu umat memahami poin-poin yang menonjol demi mencapai keadaan kesempurnaan yang dikehendaki Tuhan bagi kita semua.

Pada akhir retreat, salah seorang anggota OCDS iaitu seorang Novis dari Cawangan Sib, Jenny Pau, menerima Skapular Istiadat CT. Beliau akan menjalani dua tahun pembentukan di mana jika berjaya melengkapinya, akan membawanya kepada pelafazan Kaul Sementara (TP).

## Pameran mukjizat Ekaristi yang pertama di Johor

PLENTONG: Pameran Mukjizat Ekaristi buat pertama kalinya diadakan di Johor pada Jun 10 lalu di Gereja St Joseph.

Acara ini dianjurkan oleh *Real Presence Eucharistic Education* dan *Adoration Association* yang mempamerkan bahan-bahan dari Pameran Antarabangsa Vatikan mengenai Mukjizat Ekaristi yang

berlaku di seluruh dunia. Pameran ini bermatlamat menekankan doktrin Kehadiran Sebenar Yesus dalam Ekaristi kepada pelajar sekolah Minggu dan umat tempatan.

Mendiang Dr Aloysius Raj dari Pulau Pinang membawa masuk bahan-bahan ini dan diserahkan kepada paroki. Semua mukjizat

yang dipamerkan ini telah mendapat pengiktirafan dan kelulusan daripada Gereja.

Pameran itu menampilkan 50 panel berwarna-warni yang dihiasi dengan gambar-gambar menarik, yang mempamerkan sejarah peristiwa-peristiwa ajaib yang telah pernah berlaku di seluruh dunia sepanjang abad.



### Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja?

Hantarkan soalan anda ke:

HERALD  
5, Jalan Robertson,  
50150 Kuala Lumpur

Tel: 03-2026 8291

Email:  
liza@herald.com.my

## Apa alasan Gereja halang perkahwinan di antara sepupu?

**Soalan:** Saya melihat ada tradisi yang membenarkan perkahwinan di antara sepupu. Tetapi, mengapa Gereja melarang praktik tersebut. Apa alasan kuat Gereja sehingga melarang hal tersebut? — Tony

Sebelum memberikan jawapan tentang pertanyaan "perkahwinan sepupu" itu dilarang oleh Gereja, sebaiknya kita perlu mengenal dahulu mengenai perkahwinan sedarah (*consanguinitas*).

Perkahwinan sedarah merupakan bentuk perkahwinan yang dilakukan oleh mereka yang masih memiliki hubungan langsung, iaitu relasi satu garis keturunan: ibu bapa – anak, datuk/nenek – cucu, atau garis menyamping (*colateral line*): perkahwinan dengan anak buah atau perkahwinan antara saudara sepupu.

Menurut ajaran Gereja, perkahwinan sedarah seperti ini tidak dapat dilakukan dalam garis lurus mahupun garis menyamping sampai tingkat keempat.

Hal ini ditegaskan oleh Gereja dalam Kitab Hukum Kanonik: "Tidak sahlah perkahwinan antara mereka semua yang mempunyai hubungan darah dalam garis keturunan ke atas dan ke bawah, baik yang sah mahupun yang natural" (Kan 1091§1); dan "Dalam garis keturunan menyamping, perkahwinan tidak sah sampai dengan tingkat keempat" (Kan 1091§2).

Pernyataan Hukum Kanonik tersebut bukan tanpa dasar atau sekadar larangan yang dilakukan oleh Gereja tanpa pemahaman medikal

yang benar.

Sebaliknya, pernyataan itu memiliki keabsahan (*validity*) yang didasarkan oleh dunia genetika di mana perkahwinan yang dilangsungkan oleh mereka yang berhubungungan darah akan menyebabkan penyakit-penyakit genetik.

Penyakit-penyakit ini telah terbukti pada banyak orang yang telah melangsungkan perkahwinan sedarah. Berdasarkan penelitian, penyakit-penyakit genetik yang sering terjadi adalah seperti kematian bayi, cacat lahir, kebutaan, kesulitan belajar, gangguan pendengaran dan gangguan metabolisme.

Selain pemahaman dunia genetika, Gereja melakukan larangan tersebut atas dasar hukum kudrat bahawa perkahwinan antara saudara sedarah tidak dapat dibenarkan, lebih-lebih perkahwinan saudara sekandung atau perkahwinan ayah dan anak perempuan, atau ibu dan anak lelaki; termasuk juga perkahwinan antara datuk atau nenek dengan cucu-cucunya.

Sikap Gereja ini tegas dan tidak dapat diubah meskipun ada budaya yang memungkinkan perkahwinan sedarah (*incest*) seperti ini dilakukan. Dengan kata lain, Gereja tidak pernah memberikan kemungkinan untuk melangsungkan sebuah perkahwinan yang berhubungungan darah satu garis lurus atau dalam garis menyamping tingkat kedua (bdk. KHK kan 1091§4).

Apabila Hukum Gereja telah menyatakan demikian, "Apakah mungkin perkahwinan antara sepupu itu?" Gereja membezakan hukum menjadi

dua: hukum Ilahi dan hukum Gereja. Dalam hal perkahwinan antara sepupu, larangan perkahwinan ini merupakan larangan yang dibuat oleh hukum Gereja (otoritas Gerejajawi).

Maka, sebagaimana prinsip Gereja, hukum yang bukan dari Tuhan atau yang dibuat oleh otoritas Gereja masih boleh mendapatkan dispensasi.

Dengan demikian, perkahwinan antara sepupu masih mungkin dilakukan. Namun, Gereja tidak sembarangan untuk menyatakan perkahwinan antara sepupu itu dapat dilaksanakan. Contoh di Indonesia yang seringkali terjadi adalah dalam budaya Batak.


Gereja sangat hati-hati dengan perkahwinan seperti itu. Gereja tetap menyuarakan supaya perkahwinan sedarah tidak dilangsungkan dengan alasan yang telah disebutkan tadi iaitu atas dasar perubatan.

Mereka yang hendak melakukan perkahwinan antara sepupu ini memerlukan dispensasi dari uskup (Ordinaris Wilayah).

Ini bermakna bahawa perkahwinan masih boleh dilangsungkan asalkan secara pasti telah dibuktikan tidak ada halangan atau bukan perkahwinan antara saudara kandung.

Meskipun ada kemungkinan antara sepupu masih dilangsungkan, Gereja tetap mengajak agar umat Katolik tidak melakukannya supaya dapat menghindari bentuk-bentuk penyakit yang tidak diinginkan dalam kehidupan anak-anak sebagaimana bukti medik yang telah ditemui. — Fr Yohanes Benny Suwito, [hidupkatolik.com](http://hidupkatolik.com)


# Sahabat kecil Yesus



Bantu keluarga ini berbasikal menuju ke Gereja.



Gunting dialog dan tampal dialog mengikut corak/bentuk yang betul pada gambar di bawah.



Siapa yang tidak memikul salibnya, dia tidak layak bagiku ....

Siapa saja yang menyambut nabi sebagai nabi, akan menerima upah nabi.

Siapa saja yang memberi secangkir air kepada salah seorang kecil ini ... dia tidak akan kehilangan upahnya.

Siapa sahaja yang menyambut kamu ia menyambut AKU

Hello adik-adik,  
 "Sesiapa yang tidak memikul Salib dan mengikut Aku, dia tidak layak mengikut Aku" (Mat 10:38), tegasnya kata-kata Yesus ini.  
 Adik-adik, kita perlu memahami bahawa Tuhan itu adalah KASIH. Maka jika kita tidak mahu memikul Salib, tidak mahu berdoa ... kita akan jauh daripada Tuhan yang adalah sumber kekuatan kita. Yesus juga mengatakan bahawa salib yang Dia berikan kepada kita bukan membebankan sebaliknya salib mengingatkan kita bahawa Yesus telah wafat dan bangkit untuk menyelamatkan kita semua!  
 Salam sayang  
 Antie Melly

 Kasih setia-Mu dibangun untuk _____ (MaZ 89:2)	 Kesetiaan-Mu seperti _____ (MAZ 89:2)	 Langit bersyukur kerana _____ (MaZ 89:5).	 Tuhan disegani dalam kalangan _____ (MaZ 89:7).	 Sebab Engkaulah _____ kekuatan _____ (Maz 89:18)
--	--	---	---	--

Lengkapkan Mazmur di atas. Dan jangan lupa mewarnakannya.

tegak langit	keajaiban-keajaiban-Mu	kemuliaan selamanya	orang-orang kudus
--------------	------------------------	---------------------	-------------------

# BELIA MILENIUM

## Pelajar Katolik Terengganu anjur Kem Penyembuhan

**K**uala Terengganu: Petikan Injil dari Yohanes 14:6, "Akulah jalan, kebenaran dan hidup" (Yoh 14:1-12) mengingatkan para mahasiswa Katolik bahawa Yesuslah satu-satunya jalan keselamatan bagi umat manusia untuk memperoleh kebenaran sejati dan kehidupan yang abadi.

Pada Jun 1-3 lalu, Komiti Persepatuan Pelajar Katolik Terengganu atau *Catholic Student Society (CSS) Committee of Terengganu* telah menganjurkan kem penyembuhan iaitu *CSS Healing Camp: Faith in Youth* yang bertema "Akulah jalan, kebenaran dan hidup."

Kem penyembuhan santai ini disertai tujuh orang pelajar.

Objektif kem ini adalah untuk membantu meneguhkan iman dalam kalangan pelajar di samping membantu mereka mengurangkan tekanan melalui sesi-sesi yang diadakan dalam kem ini.

Kem dimulakan dengan doa

pembukaan dan sesi berkenalan sebelum memulakan sesi pujian dan latihan koir sebagai persiapan untuk Misa Kudus pada keesokan harinya.

Pada hari kedua, sesi kem dimulakan dengan doa pagi di chapel *Catholic Mission* Kuala Terengganu. Kemudian, peserta bersiap dan mengikuti perayaan Misa Kudus pada jam 9.00 pagi.

Selepas Misa Kudus selesai, peserta berkumpul di konven untuk sarapan pagi dan seterusnya mendengarkan sesi perkongsian perjalanan iman daripada Pn. Joan.

Pn. Joan merupakan seorang jururawat yang menetap di luar negara.

Selepas sesi perkongsian bersama Pn. Joan, para peserta berkumpul untuk makan tengahari dan seterusnya melakukan doa Kerahiman Ilahi tepat jam 3.00 petang.

Seterusnya peserta melakukan aktiviti puji-pujian dan sesi perkongsian sesama peserta.

Selepas berehat, mereka berkumpul semula pada jam 7.00 malam untuk makan bersama.

Kemudian, mereka berkumpul di konven untuk sesi tay-

angan filem bertajuk "A Week Away".

Filem ini merupakan sebuah filem muzikal yang memaparkan kehidupan seorang remaja lelaki yatim piatu bernama Will Hawkins yang bermasalah dan mempunyai latar belakang kerohanian yang kurang baik.

Namun, selepas keluarga angkatnya membawanya untuk menyertai kem kerohanian, Will menjadi lebih terbuka dengan orang lain dan mengubah kehidupannya menjadi lebih baik dengan hidup berandal kepada Tuhan.

Sesi pada hari kedua diakhiri dengan meditasi yang bertujuan memberi kesembuhan batin kepada peserta melalui bacaan doa dan lagu-lagu pujian selama satu jam. Sebelum kembali ke bilik masing-masing, para peserta melakukan sesi perdamaian.

Keesokan harinya, peserta bergerak ke Sungai Lata Kolam untuk menikmati dan menghargai keindahan ciptaan Tuhan.

Riadah luar ini berakhir pada jam 11.30 pagi dan diakhiri dengan doa penutup sebelum kembali ke rumah masing-masing.



Para mahasiswa Katolik Terengganu berada di sebuah pusat perkelahan Eko di Besut Terengganu sebagai salah satu sesi menghargai alam sekitar dalam Kem Penyembuhan baru-baru ini.

## Klerus, religius sertai kaum muda Indonesia berarak enam kilometer

SINTANG, Kalimantan: Para paderi, religus dan pemimpin awam menyertai Perarakan Salib Hari Belia Indonesia (*Indonesian Youth Day/IYD*) sejauh enam kilometer pada Jun 18 lalu.

Rombongan dari Paroki Maria Ratu Semesta Alam (MRSA) berarak selama hampir empat jam menuju ke Katedral Kristus Raja, Sintang.

Ketibaan rombongan dari MRSA disambut meriah oleh kaum muda, paderi paroki Katedral Kristus Raja, religus dan tarian-tarian tradisi.

Seramai 26 orang paderi membantu Fr Leonardus Miao, Vikaris



Jeneral Sintang dalam perayaan Ekaristi.

Dalam homilinya, Fr Miao menyeru kepada para belia untuk berani bersaksi. Belia memberi

contoh 12 rasul yang dipilih dan diutus oleh Yesus untuk mewartakan Berita Baik.

Salib IYD ini akan dibawa ke Palembang oleh perwakilan pe-

serta yang terdiri dari 32 orang belia dan enam orang pendamping rohani mereka.

Mereka siap menjadi benih yang berakar dan bertumbuh dalam

Kristus untuk menjadi saksi bagi ramai umat di sekitar mereka.

Magdalena Dudun, salah seorang yang mengikuti perarakan mengatakan semasa melintasi kota Sintang dengan Salib IYD, orang ramai yang melihat turut bersorak dan tunduk menghormati Salib. "Perarakan ini juga disertai ramai ibu bapa yang sambil mendukung anak-anak mereka. Dalam perjalanan perarakan itu, saya merefleksikan kembali perjalanan Yesus saat di salib. Ini memberi saya semangat untuk tidak mudah menyerah sebelum mencuba," ungkap Magdalena. — *hidupkatolik*

# Jubli 2025, acara dari Roma akan beri kesan hebat pada dunia

TAKHTA SUCI: Tahun Jubli 2025 di kota abadi (Roma) sekali lagi akan menjadi pusat utama di mana pesan Kristian akan bergema ke dunia, menghidupkan semula harapan dan dorongan baru untuk membina masyarakat yang lebih bersaudara.

Bapa Suci menyatakan hal itu semasa menulis ucapan tahniah kepada akhbar harian Rom, *Il Messaggero*, yang merayakan ulang tahun penubuhannya ke-145.

Sri Paus memberi tumpuan kepada kepentingan Tahun Jubli 2025 yang "akan berpusat di kota Roma namun bakal memberi kesan terhadap Eropah dan seluruh dunia."

Jubli adalah tahun istimewa rahmat bagi orang-orang yang beriman, dan Sri Paus menyatakan Tahun Suci akan menawarkan harapan, ketenangan dan kelahiran semula sosial kepada ramai penziarah yang bakal datang ke Roma.

## Perdamaian dan Persaudaraan

Tahun Suci tidak hanya akan menjadi "aman spiritual" sebaliknya ia akan mencetus-

kan dan melibatkan semua hubungan interpersonal

Sri Paus Fransiskus menerangkan bahawa antara matlamat Tahun Suci ialah mempromosikan visi masyarakat yang lebih adil dan bersaudara, di mana kesilapan dan kesalahan dimaafkan.

"Mereka yang telah melakukan kesalahan dibantu untuk pulih dan keadilan dipulihkan, dengan itu memihak kepada perdamaian dan pembinaan dunia yang lebih bersatu serta lebih berperikemanusiaan," kata Bapa Suci.

Kepentingan dan nilai Tahun Jubli, kata Sri Paus Fransiskus bukan semata-mata agama.

"Ia sarat dengan nilai-nilai etika, moral, sosial dan budaya yang mampu menyembuhkan luka yang disebabkan oleh ketidakadilan dan pelbagai bentuk keganasan."

Ia membawa kekuatan untuk "melampaui ketidaksamaan ekonomi dan diskriminasi dan melahirkan suasana kolektif kepercayaan dan harapan, memulakan proses pembangunan manusia yang penting, dengan perhatian khusus kepada mereka yang



Tahun Jubli 2025, acara yang berpusat di kota Roma tetapi bakal mengubah Eropah dan seluruh dunia. paling lemah dan memerlukan."

"Ia adalah Tahun di mana untuk memberi makna dan penjelasan tema alkitabiah 'pembebasan'."

Pembebasan dalam semua aspek antropologi dan sosial menggambarkan atau menjemput umat beriman "untuk melakukan tindakan dan jalan yang mampu membebas-

kan orang, bandar, negara dan orang dari semua bentuk perhambaan dan kebinasaan. Mengakhiri pesannya, Bapa Suci menekankan peranan kewartawanan agar terus mempromosi kebenaran lebih-lebih lagi pada masa kini, sosial dan budaya semakin sukar untuk membezakan kebenaran. — *media Vatikan*

## Inilah alasan uskup Anglikan masuk Katolik

VATIKAN: Mantan uskup Anglikan telah mengumumkan keputusannya untuk menjadi Katolik dan beliau merupakan uskup Anglikan keenam yang masuk Katolik dalam empat tahun terakhir ini.

Uskup Richard Pain, yang bersara dari Keuskupan Monmouth tahun 2019, adalah uskup Anglikan pertama dari Wales yang bergabung dengan Ordinariat Peribadi Bonda Maria Walsingham.

Uskup Pain diterima dalam persekutuan penuh di Gereja St. Basil dan St. Gwladys di Rogerstone Newport, Wales, pada Julai 2. Beliau dialu-alukan oleh Uskup Keith Newton, pemimpin ordinariat tersebut.

Uskup Newton mengatakan: "Kami gembira bahawa setelah berdoa dan bertekun dalam renungan, Uskup Richard akhirnya meminta untuk diterima ke dalam persekutuan penuh dengan Gereja Katolik."

"Richard memiliki pelayanan yang panjang dan terhormat di Gereja di Wales," kata Uskup Newton dalam kenyataannya pada Jun 12 di laman sesawang Konferensi para Uskup England dan Wales.

Uskup Pain mengatakan beliau memutuskan untuk menjadi seorang Katolik setelah



Uskup Richard Pain dari Anglikan. (Foto: [ancientbritonpetros.blogspot.com](http://ancientbritonpetros.blogspot.com))

merenung masa hadapannya selepas bersara.

"Saya sangat berterima kasih atas pengalaman yang diperoleh sepanjang hayat sebagai Anglikan. Namun panggilan kepada Katolik nampaknya semula jadi dan spiritual," kata Uskup Pain. — *media Vatikan*

## Delegasi Sami Buddha Thailand kunjungi Vatikan erat persaudaraan

ROMA: Pegawai Vatikan mengatakan delegasi Thailand yang mengunjungi Vatikan baru-baru ini adalah "para penziarah persahabatan".

Delegasi dari Thailand yang diketuai oleh sami Buddha bertemu dengan para pegawai tinggi Vatikan dan berdoa untuk kesejahteraan Sri Paus Fransiskus semasa kunjungan dua hari tersebut.

Delegasi seramai 80 orang itu bertemu dengan perwakilan Dikasteri Dialog Antara Agama Vatikan di Institut *Augustinianum*

pada Jun 15 lalu.

Para anggota Dikasteri Dialog Antara Agama, termasuk Kardinal Miguel Angel Ayuso, prefek dikasteri itu, dan Msgr. Indunil Kodithuwakku, setiausaha dikasteri itu, hadir dalam pertemuan itu.

Disebabkan Sri Paus pada ketika itu sedang menerima rawatan di Hospital Gemilli, kunjungan peribadi dengan Sri Paus dibatalkan.

Namun, mereka meninggalkan sepucuk surat untuk Bapa Suci yang mendoakan kesihatannya. — *media Vatikan*



Sami Buddha, Somdet Phra Mahathirachan bersama Kardinal Miguel Ángel Ayuso dalam sebuah pertemuan di Vatikan pada Jun 15.

## Campur tangan Vatikan diharapkan dapat bantu perselisihan liturgi Gereja India

KERALA: Sebuah kumpulan awam Katolik dan imam menyambut baik keputusan Gereja ritus Timur yang terdapat di India berkaitan pelantikan delegasi kepausan untuk menyelesaikan perselisihan liturgi mereka yang telah berlangsung selama lima dekad, di mana para uskup tempatan gagal mencapai kesepakatan.

Kardinal George Alencherry, ketua Gereja Sryo-Malabar mengumumkan keputusan itu pada akhir sinode khusus para uskup yang diadakan di Kerala.

Seramai 56 orang uskup menghadiri sinode khas tersebut pada Jun 12 hingga 16, mengikuti arahan Vatikan untuk menyelesaikan perselisihan secara damai.

Namun, sinode gagal dan merekomendasikan Vatikan untuk melantik seorang utusan kepausan untuk mencari jalan keluar.



Umat Katolik dari Gereja Siro-Malabar ritus Timur, di Kerala, India Selatan, membuat demonstrasi di Vatikan pada Oktober 5, 2022.

"Ini persis seperti yang kami minta dalam lima tahun lalu tetapi para uskup tidak

mahu mendengarkan kami," kata Riju Kanjookaran, juru bicara Gerakan Ketelusan

Keuskupan Agung (AMT), sebuah perkumpulan yang terdiri daripada para paderi, religius dan umat awam di Keuskupan Agung Ernakulam-Angamaly.

"Kami senang bahawa sekarang-kurangnya sekarang para uskup setuju dengan salah satu tuntutan kami," kata Kanjookaran kepada *Ucanews.com* pada Jun 19 lalu.

Keuskupan Agung Ernakulam-Angamaly dengan yang mempunyai setengah juta umat mempunyai perbezaan pendapat dengan sinode, badan pengambil keputusan tertinggi Gereja berkaitan liturgi.

Perselisihan liturgi dalam Gereja telah membara sejak tahun 1970-an di mana kumpulan tradionalis ingin menghidupkan kembali liturgi sesuai aslinya manakala kumpulan lain menuntut liturgi yang lebih moden. — *Ucanews.com*

DOA MALAIKAT BERSAMA SRI PAUS FRANSISKUS

# Tuhan bersama kita pada saat paling sukar

ROMA: Dengan suara sedikit bergetar, sebelum memimpin Doa Angelus, Paus Fransiskus mengucapkan terima kasih kepada semua orang yang mendoakannya dan prihatin akan keadaannya semasa beliau dirawat di hospital baru-baru ini.

Lebih 15 ribu penziarah berhimpun di Dataran Sto Petrus pada Jun 18, dua hari selepas Bapa Suci dibenarkan pulang dari hospital Gemelli Roma setelah menjalani pembedahan kecil.

Bapa Suci berterima kasih kepada semua orang yang “menunjukkan kasih sayang, perhatian, dan persahabatan kepada saya dan menyokong saya dengan doa-doa mereka.”

“Kedekatan anda dan spiritual ini sangat membantu dan menghibur saya,” kata Sri Paus menyampaikan “Terima kasih semuanya, terima kasih, terima kasih dari lubuk hati saya yang dalam!”

Seperti biasa, Sri Paus Fransiskus juga menyampaikan renungan Injil hari itu, Matus 9:36-10:8, dengan fokus bahawa Yesus mengutus para rasul-Nya untuk memberitakan bahawa “Kerajaan Tuhan sudah dekat.”

Khabar baik tentang kedekatan Tuhan, kata Sri Paus, harus mengisi hati umat beriman kerana “Tuhan tidak berada di langit sebaliknya sangat dekat dengan kita agar kita tidak sendirian di bumi.”

Katanya, “Tuhan tidak jauh, tetapi Dia adalah seorang ayah, Dia mengenal anda dan Dia mengasihi anda; Dia ingin memegang tangan anda, bahkan ketika anda melakukan perjalanan di jalan yang curam dan terjal, bahkan Dia ada ketika anda jatuh dan berjuang untuk bangkit kembali



Sri Paus Fransiskus dikelilingi wartawan selepas mendaftar keluar dari Hospital Gemelli Vatikan pada Jun 16 lalu.

dan kembali ke jalur semula.”

“Seringkali pada saat-saat ketika anda berada pada situasi terlemah, anda dapat merasakan kehadiran-Nya dengan lebih kuat. Dia tahu jalannya, dia bersama anda, Dia adalah Bapa anda!”

Cara terbaik untuk mewartakan kedekatan Tuhan, katanya, adalah dengan “isyarat cinta dan harapan dalam nama Tuhan; tanpa banyak bicara tetapi membuat gerakan,” seperti yang Yesus perintahkan kepada para rasul: “‘Sembuhkanlah yang sakit,’ dan Dia juga mengatakan, ‘bangkitkanlah orang mati, sembuhkanlah penderita kusta, usirilah syaitan.

Kamu menerima dengan percuma dan

berikanlah juga dengan percuma.”

Selepas mendaraskan Angelus, Sri Paus Fransiskus turut mengingat para pelarian di mana setiap Jun 20 merupakan Hari Para Pelarian Sedunia yang dideklarasikan oleh PBB.

Bapa Suci berbicara tentang “kedukaan dan kesedihan yang mendalam” lebih-lebih lagi selepas sebuah kapal nelayan, penuh dengan migran — sekitar 500 hingga 700 penumpang termasuk kanak-kanak, karam pada Jun 14 di pantai Yunani ketika berusaha melakukan perjalanan dari Tobruk, Libya, ke Itali selatan. 78 jenazah telah ditemukan dan yang lain sempat diselamatkan. — CNA

PENULIS BERKICAU

## Tidak boleh ada alasan mengambil nyawa!

Aborsi atau pengguguran janin merupakan tajuk yang tidak terlintas di fikiran saya untuk ditulis dalam ruangan ini.

Namun, baru-baru ini, seorang gadis yang akan menyertai kolej kejururawatan, mengadu kepada saya bahawa dia terpaksa menggugurkan janinnya kerana polisi kolej tidak membenarkan pelajar wanita hamil semasa menjalani kursus.

Saya amat terkejut, kesal dan sedih. Gadis itu bakal jururawat dan dia sendiri melakukan aborsi. Saya berfikir, aborsi kecuali atas sebab kesihatan, adalah haram di Malaysia.

Jadi klinik mana yang sanggup membuat operasi pengguguran bayi? Gadis itu hanya menjawab dia ‘membuang’ janinnya di luar negara.

Saya hanya dapat berkata kepada gadis itu, agar dia menyesali perbuatannya dan bertobat. Buat bayi yang gugur itu, saya berikan nama dan menawarkan Misa Kudus untuknya.

Ada begitu banyak orang yang tidak menyadari apa sebenarnya yang terjadi semasa aborsi. Ada yang mengatakan bahawa aborsi di bulan-bulan pertama adalah tidak apa-apa, kerana janin masih belum terbentuk. Malah ada yang berani mengatakan bahawa yang digugurkan bukanlah manusia!

Aborsi adalah suatu pembunuhan, pembunuhan yang begitu keji, kerana dilakukan kepada janin, yang tidak dapat mempertahankan diri mereka, yang tidak dapat menjerit walaupun merasakan kesakitan yang luar biasa.

Aborsi bukan hanya dosa melawan Tuhan dan Gereja, namun juga melawan kemanusiaan. Orang yang mempunyai hati nurani yang benar, tidak kira dari agama manapun, tidak akan membiarkan dirinya melakukan aborsi kerana aborsi adalah pembunuhan kepada sesama manusia, bahkan pembunuhan yang paling menjijikan dan mengerikan.

Sri Paus Fransiskus juga menyamakan tidakan aborsi umpama menyewa pembunuh upahan. Tegasnya, “Apakah perlu membuang nyawa (aborsi) demi menyelesaikan sebuah masalah? Apakah perlu merekrut pembunuh bayaran untuk menyelesaikan sebuah masalah?”

Biarpun Gereja menentang keras akan hal ini, namun negara-negara yang mempunyai ramai penganut Katolik misalnya Kanada, Rusia, Argentina dan Singapura, melegalkan aborsi.

Begitu juga di Jerman, setelah kajiselidik yang dilakukan oleh sebuah majalah Katolik, didapati lebih 50% umat Katolik tidak setuju dengan pendirian Sri Paus Fransiskus yang mengancam aborsi.

Sesungguhnya hidup manusia adalah sesuatu yang sakral, dari sejak permulaannya, ia secara langsung melibatkan tindakan penciptaan oleh Tuhan. Sejak saat konsepsi, hak-haknya sebagai manusia harus diakui, terutama haknya untuk hidup. ((lihat *Congregation for the Doctrine of the Faith, Instruction on Respect for Human Life in its Origin and on the Dignity of Procreation Donum Vitae: (22 February 1987), I, No. 1, AAS 80 (1988), 79)*)

### KENYATAAN MISI HERALD

HERALD adalah Minggu Katolik Gereja Malaysia. Ia berusaha untuk menyampaikan berita-berita terkini, nilai-nilai Kristian dan berusaha untuk berdialog dengan semua sektor masyarakat untuk membina komuniti beriman kepada Tuhan yang harmoni. Kami menyokong pembentukan Gereja dan menggalakkan umat awam dan religius untuk membuat keputusan moral di arena luar Gereja.

### SANTAPAN IMAN

## Bersama Yesus, kita dimerdekakan

Dewasa ini ada banyak cara ditawarkan, agar orang yang gemuk dapat mengurangi berat badannya. Malah ada cara yang dicadangkan sangat ekstrim, mulai dari diet yang berlebihan, minum ubat kurus, sedut lemak malah ada yang sanggup potong usus!

Kemudian muncul di media-media sosial tentang diet berkesan misalnya diet *intermittent fasting*, diet keto, diet protin, diet puasa dan banyak lagi.

Sebenarnya, tidak ada cara yang lebih efektif untuk mengurangkan berat badan selain dua hal ini: mengatur pola makan dan olahraga yang teratur. Tetapi ia memerlukan masa, tidak boleh terburu-buru jika tidak, mungkin memudaratkan kesihatan!

Begitu juga dengan hal menjauhkan diri dari dosa-dosa ketidakmurnian. Beberapa pelanggaran terhadap kemurnian adalah: nafsu, masturbasi/onani, percabulan, pornografi, pelacuran, perkosaan, homoseksualitas dan sebagainya (lih. KGK 2351-2357).

Kalau jenis dosa ini tidak ditangani secara serius maka seseorang dapat terjebak pada dosa yang sama ini, dengan kata lain, orang tersebut menjadi hamba dosa.

Langkah pertama untuk melepaskan diri dari belenggu dosa ketidakmurnian yang telah menjadi kebiasaan adalah ber-



hadapan kepada kebenaran itu sendiri. Ini diawali dengan menyedari bahawa ada yang salah dalam diri kita, dan kita telah melakukan dosa.

Misalnya, setelah Raja Daud berbuat dosa berzina dengan Batsyeba, maka dia mengakui dosanya dengan jujur, “Sebab aku sendiri sadar akan pelanggaranku, aku senantiasa bergumul dengan dosaku. Terhadap Engkau, terhadap Engkau sajalah aku telah berdosa dan melakukan apa yang Kau anggap jahat, supaya ternyata Engkau adil dalam putusan-Mu, bersih dalam penghukuman-Mu” (Mzm

51:3-4).

Kesedaran akan kebenaran ini menjadi langkah awal untuk memperoleh kembali kehidupan yang penuh rahmat.

Ada ramai orang yang telah jatuh ke dalam dosa ketidakmurnian kemudian membuat pembelaan dan menyalahkan segala hal, kecuali dirinya sendiri.

Memang mudah mencari alasan namun semua alasan tersebut tidak akan membantu orang yang ingin memperbaiki diri, sampai dia sendiri mengatakan “Ya, saya telah berbuat dosa dan saya telah berkata ya terhadap godaan.”

Orang-orang sekeliling bahkan syaitan memang dapat menggoda kita namun pada akhirnya dosa adalah keputusan dari kehendak kita.

Kristus telah menginstitutionalkan Sakramen Tobat untuk mengampuni dosa — baik dosa ringan dan dosa berat — maka buatlah persiapan dengan sungguh-sungguh, dengan mengadakan pemeriksaan batin yang baik.

Dengan Kristus sendiri terus bersatu dalam tubuh, darah, dan hati kita, maka Dia akan mencabut akar dosa dalam diri kita. Jika kita jatuh kembali ke dosa tersebut, kita perlu mengaku dosa dalam sakramen Pengakuan terlebih dahulu, sebelum dapat menerima Komuni kudus. — *katolisitas*

## Komsos seperti apa yang dikehendaki Gereja?

KENINGAU: Peranan anggota Komisi Komunikasi Sosial (Komsos) bukan biasa-biasa. Anggota Komsos adalah nabi-nabi zaman sekarang yang menyampaikan Berita Baik kepada umat beriman lebih-lebih lagi mereka yang memerlukan harapan, galakan dan yang haus akan Sabda Tuhan.

Kata-kata tersebut dinyatakan oleh Uskup Cornelius Piong semasa memimpin Misa Kudus pembukaan retret kemuncak Hari Komunikasi Sosial yang dianjurkan oleh Keuskupan Keningau.

Seramai 60 anggota Komsos dari seluruh paroki naungan Keuskupan Keningau termasuk para penyampai radio online Keuskupan Keningau, Keti-taanFM, telah berhimpun di Rumah Retret Keuskupan Keningau di Kg Tatal pada Jun 16-18 lalu.

Para anggota Komsos itu menjalani retret selama tiga hari yang bertema "Komsos yang berjalan bersama". Pembimbing rohani

Komsos, Fr Clement Abel, turut mendampingi para ahli Komsos sepanjang retret.

Antara pengisian retret itu ialah katekesis "Karya Pastoral Komunikasi" dan "Peranan Komsos setiap paroki" yang disampaikan oleh Sdra John Lainsin serta "Berani Mewartakan Kebenaran" dan "Komsos seperti apa yang dikehendaki Gereja?" yang disampaikan oleh Fr David Gasikol.

Penutupan media Katolik, kurangnya sambutan umat terhadap material bacaan Katolik semakin ketara selepas pandemik.

Perkara ini dikupas oleh dua orang penyampai sesi dari media cetak Katolik di Malaysia iaitu Mingguan Katolik *HERALD* dan *Catholic Sabah* iaitu Pn Liza Magnus dan Sdra Peter Zeter.

Kedua-dua mereka juga cuba 'meneroka' bakat-bakat ahli-ahli Komsos kerana Komsos bukan sekadar menulis artikel dan mengambil gambar sahaja.



Para anggota Komsos sedang khusyuk mendengar penerangan tentang "Komsos seperti apakah yang dikehendaki oleh Gereja yang disampaikan oleh Fr David Gasikol.

Ada banyak cabang dalam dunia penulisan dan kewartawanan yang boleh diteroka oleh ahli-ahli KOMSOS. Misalnya menulis berita singkat pada setiap gambar yang dimuat turun di laman sesawang atau *Facebook* masing-masing, menulis rencana, mengulas filem/drama mengikut pandangan Katolik dan menjadi

content creator.

Semasa retret ini juga, para anggota Komsos menyaksikan upacara perasmian dan pemberkatan Tugu Komunikasi: *I Love Jesus* yang terletak di kawasan Katedral St Francis Xavier.

Tugu ini diberkati dan dirasmikan oleh Uskup Cornelius Piong pada petang Jun 17. Ia didirikan

sebagai ungkapan komunikasi bahawa Yesus itu sendiri adalah kasih sumber damai sejati.

Pada hari terakhir retret, dengan membawa logo Komsos paroki masing-masing, semua anggota Komsos diberkati dan diutus di dalam Misa Kudus oleh Fr Clement Abel. — *Liza Magnus (liza@herald.com.my)*

## Memperkaya semangat sinodal melalui kebudayaan

TELUPID: "Semoga Perayaan Kaamatan pada tahun ini sedikit sebanyak dapat memupuk hidup bersatu padu di dalam komuniti, bersinodaliti untuk melakukan misi-Nya," kata Uskup Julius semasa memimpin Misa Kudus di Gereja St Martin sempena Pesta Kaamatan yang bertema "Memperkaya Semangat Sinodal Melalui Kebudayaan" pada Jun 4 lalu.

"Perayaan Kaamatan ini mengingatkan kita untuk sentiasa bersyukur kerana kita mempunyai komuniti yang berjalan bersama, diberi tempat tinggal di dunia ini serta memiliki kehidupan kita masing-masing," kata Uskup Julius.

Para umat Katolik dari semua zon Telupid, Keluarga Besar Indonesia dan Filipino, dan St. Padre Pio telah hadir untuk sama-sama bersyukur memberi sokongan kepada penganjuran ini.

Paderi Paroki St Martin, Fr. Christopher semasa menyampaikan ucapannya berkata, "Pesta



Pesta Kaamatan paroki Telupid 2023 mengambil tema: Memperkaya semangat sinodal melalui kebudayaan.

Kaamatan yang kita rayakan bersama ini mempunyai identiti iaitu identiti sebagai anak-anak Tuhan.

Tambahnya, "Melalui identiti ini, kita akan lebih memahami tema perayaan seraya mengambil sinodaliti sebagai identiti kita di mana kita berjalan bersama, berpartisipasi, mempunyai persekutuan di dalam Gereja, mendengar satu sama lain, dan mengikuti saranan-saranan Injil."

Uskup Julius pula menjelaskan bahawa tema pesta Kaamatan yang digunakan pada tahun ini adalah sebagai semangat berjalan bersama dan menjadi Gereja yang mendengar kepada Roh Kudus seperti yang diseru oleh Bapa Suci Fransiskus.

"Kebudayaan yang bersatu padu ini amat penting dalam pembangunan karya-karya pastoral Gereja," tegas Uskup Julius. — *Javy Jimmy*


## Pengumuman pentahbisan paderi Rev Elvost Lunchi MHM di Diosis KK

KOTA KINABALU: Notis pengumuman pentahbisan paderi, Rev Elvost Lunchi MHM telah dikeluarkan oleh chancelor Keuskupan Agung Kota Kinabalu bertarikh Jun 20, 2023.

Rev Elvost yang berasal dari Kg Sabandil Papar di bawah naungan paroki Holy Rosari Limbahau, telah ditahbis sebagai diakon untuk kongregasi *St Jopseh's Missionary Society of Mill Hill* pada Sept 24, 2022 di Katedral Ngong, Kenya.

Beliau bakal ditahbis sebagai paderi oleh Uskup Agung John Wong di Gereja Holy Rosary Limbahau pada Julai 22, 2023 jam 9.00 pagi.

Umat Katolik berkewajiban memaklumkan sebarang halangan bagi Rev Elvost dari mener-



ima Sakramen Imam mengikut undang-undang Kanonik 1043.

Notis pengumuman dan penyelidikan ini adalah selaras dengan undang-undang Kanonik 1051 2°.



## Enam Gereja bergabung hormati Sakramen Mahakudus

PETALING JAYA: Enam Gereja di daerah Petaling Jaya iaitu Gereja St Ignatius, Gereja St Thomas More, Our Lady of Guadalupe, Assumption, St Francis Xavier dan Gereja Kerahiman Ilahi, bergabung dalam perarakan bagi menghormati Tubuh dan Darah Yesus.

Umat beriman dari enam Gereja

ini berhimpun di Gereja St Ignatius. Selepas Misa Senja, mereka berkumpul di luar kawasan Gereja dan bersedia untuk berarak.

Mereka berarak mengiringi Sakramen Mahakudus sejauh 2.7km sambil memegang lilin beryala. Di hadapan mereka, putera altar, kanak-kanak pembawa bunga dan enam orang per-

wakilan Gereja yang membawa banner serta bendera paroki masing-masing, mendahului perarakan.

Sakramen Mahakudus ditempatkan di atas sebuah kereta yang dihias indah dan empat orang paderi secara bergilir-gilir, berlutut di hadapan Sakramen Mahakudus.